



MEMO

Rujukan Tuan : Rujukan Kami : YIK 100-3/9/6(05)	Tarikh : 09 Jamadil Akhir 1446H Bersamaan : 11 Disember 2024
Perkara : ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN	
Kepada : Semua Pegawai dan Kakitangan Yayasan Islam Kelantan	Melalui dan salinan : <i>YABrs. Pengarah Yayasan Islam Kelantan</i> <i>YBrs. Timbalan Pengarah (Sekolah)</i> <i>YBrs. Timbalan Pengarah (Akademik)</i> <i>YBrs. Timbalan Pengarah (Kenaziran)</i>
Daripada : YBrs Timbalan Pengarah (Pengurusan)	
Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.	
2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah mengeluarkan Pekeliling Pehidmatan Negeri Bilangan 12 Tahun 2023, Etika Berpakaian Dan Penampilan Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan. Pekeliling ini menjelaskan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai etika berpakaian dan penampilan bagi anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.	
3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dikehendaki mematuhi arahan sepertimana pekeliling tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan pekeliling tersebut untuk rujukan tuan/puan.	
Di atas kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini diucapkan terima kasih.	
Sekian.	
“ ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI ” ‘ SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT ’	
Saya yang menjalankan amanah, 	
(HAJI MOHD KAMARUDDIN BIN OMAR) Timbalan Pengarah (Pengurusan) b.p Pengarah Yayasan Islam Kelantan	

SUK.D200(06)600/9/Jld 18 (22)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 12 TAHUN 2023

**ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN
BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai **Etika Berpakaian Dan Penampilan Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan**.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara 6(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan Dan Tata tertib) (Pindaan) 2009 menjelaskan seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri melalui arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 1993 telah menetapkan semua anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan supaya sentiasa berpakaian kemas yang sesuai untuk bertugas. Cara berpakaian ini adalah salah satu dari aspek penting dalam cara hidup kerana ianya memberikan kesan langsung kepada imej Perkhidmatan Awam Negeri.
- 2.3 Selaras dengan itu, semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan berpakaian yang disesuaikan dengan aspirasi Kerajaan Negeri dengan mematuhi Etika Pakaian Penjawat Awam supaya selari dengan tuntutan Syariah.
- 2.4 Walau bagaimanapun, peraturan yang ditetapkan perlu sentiasa ditambahbaik dan disesuaikan supaya ianya selari dengan dasar Kerajaan yang ingin mewujudkan kehidupan seharian penjawat awam yang lebih mencerminkan masyarakat Islam.

3. ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

3.1. Bagi semua penjawat awam lelaki, pakaian semasa bertugas adalah sebagaimana berikut:

BIL	JENIS PAKAIAN	SYARAT
1.	Lounge Suit (Bagi Pegawai Gred 29 Dan Ke Atas Atau Gred Setara)	a) <i>Lounge Suit</i> adalah gabungan sut yang terdiri daripada kot dan seluar serta bertali leher. b) Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan. c) Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna navy blue /hitam /warna gelap. d) Dipakai semasa program/ majlis rasmi.
2.	Kemeja Lelaki	a) Baju kemeja berwarna putih/warna yang sesuai (lembut) dipadankan dengan seluar warna hitam/warna gelap. b) Baju kemeja berkolar dan berlengan panjang hendaklah dibutangkan atau memakai <i>cuff link</i>. c) Baju kemeja berkolar dan berlengan pendek hendaklah sepadan dari segi warna dan jenis bahan. d) Lengan baju tidak dilipat (kemeja berlengan panjang) serta hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (<i>tucked in</i>).

3.	Baju Batik	a) Pemakaian baju batik diwajibkan dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis dan bersongkok hitam kecuali pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu. b) Kemeja Batik yang berlengan pendek adalah tidak dibenarkan. Batik yang dipakai adalah digalakkan bercirikan batik Malaysia.
4.	Pakaian Kebangsaan	Baju melayu hendaklah dipakai lengkap bersampin dan bersongkok hitam. Tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau berbeza jenis bahan.
5.	Baju Korporat / baju kerja lapangan (<i>field-work</i>)	a) Baju korporat / baju kerja lapangan (<i>field-work</i>) hendaklah dipadankan dengan seluar warna hitam/warna gelap. b) Dibenarkan dipakai pada hari tertentu semasa bertugas atau bagi tujuan tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan.
6.	Pakaian Sukan	a) 'Track suit' atau seluar panjang yang sesuai. b) T-shirt sukan, jersi, kasut getah, kasut sukan dan lain-lain pakaian yang sesuai dan tidak menghalang kecergasan gerak geri dalam gerak kerja tersebut. c) Dibenarkan dipakai pada hari tertentu semasa bertugas atau bagi tujuan tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan.

- 3.2 Semua penjawat awam lelaki hendaklah memakai kasut berwarna gelap serta berstokin gelap.
- 3.3 Bagi menghadiri Majlis Rasmi dan Majlis Istiadat Rasmi, pegawai lelaki hendaklah memakai pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau pihak penganjur bagi sesuatu upacara tersebut.
- 3.4 Bagi **semua penjawat awam wanita**, pakaian semasa bertugas adalah sebagaimana berikut:

BIL	JENIS PAKAIAN	SYARAT
1.	<i>Three Piece Suit</i> (Bagi Pegawai Gred 29 Dan Ke Atas Atau Gred Setara)	a) <i>Three Piece Suit</i> adalah gabungan sut yang terdiri daripada kot dipakai dengan kemeja lengan panjang dan dipadankan dengan skirt panjang/seluar panjang. b) Skirt/Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan. c) Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna <i>navy blue</i> /hitam /warna gelap. d) Dipakai semasa program/ majlis rasmi.
2.	<i>Two Piece Suit</i>	a) <i>Two Piece Suit</i> adalah dipakai dengan kemeja lengan panjang dan dipadankan dengan skirt panjang/seluar panjang. b) Kemeja dan skirt panjang/seluar panjang mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.

3.	Baju Batik	a) Baju batik diwajibkan dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis kecuali pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu. b) Batik yang dipakai adalah digalakkan bercirikan batik Malaysia.
4.	Pakaian Kebangsaan	a) Baju kurung atau kebaya atau pakaian kebangsaan kaum bukan Melayu hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian). b) Fesyen pemakaian hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang.
5.	Pakaian Sukan	a) 'Track suit' atau seluar panjang yang sesuai. b) Pemakaian T-shirt sukan berlengan panjang dengan kelabuhan yang bersesuaian yang tidak jarang dan ketat. c) Dibenarkan dipakai pada hari tertentu semasa bertugas atau bagi tujuan tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan.
6.	Baju Korporat / baju kerja lapangan (<i>field-work</i>)	a) Baju korporat / baju kerja lapangan (<i>field-work</i>) yang dibenarkan dengan kelabuhan yang bersesuaian dipadankan dengan skirt/seluar warna hitam/warna gelap. b) Dibenarkan dipakai pada hari tertentu semasa bertugas atau bagi tujuan tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan.
7.	Pakaian Wanita Mengandung	a) Baju untuk wanita mengandung yang labuh dan longgar.

		b) Memakai <i>blouse</i> sama ada plain atau bercorak yang labuh dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar. c) Memakai jubah labuh dan longgar serta kain bukan jenis <i>lycra</i>.
--	--	--

- 3.5. Bagi menghadiri Majlis Rasmi dan Majlis Istiadat Rasmi, pegawai wanita hendaklah memakai pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau pihak penganjur bagi sesuatu upacara tersebut.
- 3.6. Tudung adalah wajib dipakai oleh pegawai wanita Islam semasa bertugas manakala bagi wanita bukan Islam dandanan rambut hendaklah sentiasa rapi dan kemas.

PAKAIAN SERAGAM (*SERVICE UNIFORM*)

- 3.7. Pegawai yang disyaratkan memakai pakaian seragam dan dibekalkan dengan pakaian berkenaan hendaklah sentiasa memakainya semasa bertugas dan semasa menghadiri upacara rasmi pegawai awam, kecuali jika peraturan pakaian khas ditetapkan.

PAKAIAN LAIN

- 3.8. Ketua jabatan juga boleh membenarkan pegawai memakai pakaian selain daripada yang dinyatakan ini mengikut kesesuaian tugas dan aktiviti yang hendak dilaksanakan. Ini termasuk jenis kasut yang boleh dipakai oleh pegawai awam semasa bertugas.

PAKAIAN YANG DILARANG

3.9. Pegawai awam dilarang daripada berpenampilan atau memakai pakaian seperti berikut:-

- a) Pakaian mencolok mata, sebagai contoh pakaian yang ketat, terdedah dan jarang sehingga menampakkan bentuk badan dan pakaian dalam.
- b) pakaian tidak berlengan.
- c) menutup muka (kecuali atas sebab kesihatan).
- d) pakaian dan aksesori dengan cetakan yang tidak sesuai seperti logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya..
- e) pakaian dari jenis *jeans*, *denim*, *khakis*, *corduroy*, kulit atau yang seumpamanya..
- f) selipar, sandal, capal, kasut riadah dan *loafers* (kecuali atas sebab kesihatan atau terdapat keperluan mengikut kesesuaian tugas).
- g) dipadankan dengan aksesori, barang kemas atau perhiasan yang berlebihan.

PENAMPILAN KEMAS

- 3.10. Semua pegawai beragama Islam perlu berpakaian menutup aurat sepertimana tuntutan agama.
- 3.11. Semua pegawai perlu berpenampilan kemas, menepati kesesuaian jantina dan sesuai dengan imej perkhidmatan awam. Pakaian hendaklah sentiasa bersih dan bergosok.
- 3.12. Bagi pegawai lelaki, rambut perlu kelihatan rapi dan panjang rambut tidak mencecah kolar baju. Rambut tidak boleh diwarnakan dan trend rambut *punk*, *qaza'*, *skinhead* atau seumpamanya sama sekali tidak dibenarkan.

- 3.13. Janggut dan misai hendaklah dipotong kemas (dirapikan). Janggut tidak boleh mencecah butang atas baju dan misai tidak boleh melebihi bahagian atas bibir.
- 3.14. Pegawai tidak dibenarkan mencacah tatoo atau menindik di bahagian badan yang jelas kelihatan.
- 3.15. Kuku hendaklah tidak terlalu panjang dan sentiasa dijaga bersih.

PEMAKAIAN TANDA NAMA

- 3.16. Semua pegawai hendaklah sentiasa memakai tanda nama ketika bertugas mengikut peraturan berikut:-
 - a) tanda nama hendaklah berasaskan huruf rumi atau huruf rumi dan jawi.
 - b) tanda nama hendaklah disematkan di pakaian di bahagian dada di sebelah kiri.
 - c) tanda nama hendaklah diasingkan dari pas keselamatan.

4. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini **berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.**

5. PEMBATALAN


Dengan berkuatkuasanya pekeling perkhidmatan negeri ini, maka Pekeling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 1993 adalah dibatalkan.

6. PEMAKAIAN

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menerima pakai pekeliling perkhidmatan negeri ini supaya segala keputusan Kerajaan Negeri mengenai Etika Berpakaian Dan Penampilan Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dapat dikuatkuasakan dengan seragam.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”



HAJI AB.PATTAH BIN HASBULLAH
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 16 Jamadil Awal 1445H
30 November 2023

SENARAI EDARAN :

- Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan